

## Buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah menengah

*Cyberbullying and emotional implications among secondary school students*

Nur Azilah Ismail, Norliza Abdul Majid\* & Parvathy Rajan Naidu  
Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

\*Corresponding author [norliza.majid@fpm.upsi.edu.my](mailto:norliza.majid@fpm.upsi.edu.my)

**Published:** 28 June 2021

**To cite this article (APA):** Ismail, N. A., Abdul Majid, N., & Rajan Naidu, P. (2021). Cyberbullying and emotional implications among secondary school students. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14(1), 62-69. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.1.7.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.1.7.2021>

### ABSTRAK

Penyelidikan yang berfokuskan gejala buli siber semakin hebat dibincangkan terutama dalam kalangan murid sekolah menengah yang menjadi mangsa buli siber. Fenomena ini menjadi tumpuan para pengkaji barat mahupun Malaysia disebabkan impak buruknya sehingga mengundang ancaman terhadap perkembangan dan kesejahteraan diri murid sekolah menengah. Secara khususnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti situasi gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi dalam kalangan murid sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang melibatkan 250 orang murid sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang. Instrumen kajian adalah berbentuk soal selidik yang telah diubah suai oleh penyelidik untuk menilai dua pemboleh ubah kajian iaitu situasi gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi. Nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha soal selidik ini berada di aras tinggi iaitu ( $> 0.8$ ). Data kajian pula dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Bagi analisis deskriptif dan juga inferensi, penilaian adalah menggunakan kekerapan, peratusan, min dan juga korelasi. Seterusnya, dapatan yang diperoleh menunjukkan situasi gejala buli siber berada pada aras rendah iaitu 2.07. Manakala bagi analisis korelasi pula didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gejala buli siber dan implikasi emosi. Kesimpulannya, tindakan awal dan efisen perlu untuk membendung penularan dan peningkatan kes buli siber dalam kalangan remaja sekolah yang boleh memberi kesan terhadap perubahan terhadap tingkah laku. Kolaborasi semua pihak serta tindakan tegas pihak berwajib amat dititikberatkan bagi membantu menjamin keharmonian dan kesejahteraan diri murid sekolah.

**Kata kunci:** Buli Siber, Implikasi Emosi, Kesejahteraan Diri.

### ABSTRACT

Nowadays research on cyberbullying is conducted tremendously especially involving high school students. The negative impacts of the phenomena that could contribute harm to high school students' development and well-being are the reasons Malaysian researchers and others became aware of the topic. This study examines the cyberbullying situation and its implications on the emotional, motivational and social aspects among high school students at Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang. The focus of this study is to identify the situation regarding cyberbullying, as well as its implications towards the emotional stability of students from Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang. This research survey involved 250 samples from high schools in Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang. The questionnaire used was developed by the researcher which contained two main aspects such as cyberbullying situations and emotional implication. The output for the pilot test gained from Cronbach alpha analysis which examined all aspects of the questionnaire have shown high value which is ( $>0.8$ ). The data are analyzed descriptively and inferentially in terms of frequency, percentage, min and correlation. The analyzed data showed that the cyberbullying situation is at a lower level i.e. 2.07 points. As for the correlation analysis, there is no significant difference between cyberbullying and its impact towards emotions. As a conclusion, immediate action should be taken to help implicate the rising case of cyberbullying amongst high school students as it could bring an impact on their behavioral change. The collaboration of all parties and the stern actions by authorities is highly recommended to manage and identify some effective measures to ensure the well-being of the next generation so they will contribute to the national development and harmony.

**Key words:** Cyberbullying, Emotional Implication, Well-being.

## PENGENALAN

Keghairahan dan lambakan penggunaan teknologi komunikasi dan perhubungan dalam talian jelas didapati dalam kalangan murid sekolah dengan terdapatnya perhubungan dan interaksi harian yang terbentuk sesama mereka melalui teks mesej, penggunaan telefon pintar serta laman media sosial. Senario sedemikian tanpa disedari telah mendedahkan mereka dengan kaedah terkini dalam berinteraksi dan berkomunikasi sebagaimana yang dinyatakan oleh DePaolis dan Williford (2019) bahawa perhubungan secara dalam talian mampu mendatangkan bukan sahaja kesan baik kepada remaja malah membawa impak buruk sehingga memudaratkan diri sendiri.

Isu yang diberi penekanan dalam kajian ini menjurus kepada implikasi negatif yang berlaku terhadap remaja akibat penyalahgunaan telekomunikasi dan perhubungan di alam siber. Tambahan lagi kecenderungan ditumpukan kepada aspek berkaitan implikasi tingkah laku buli siber dalam kalangan murid sekolah yang menjurus kepada kesan terhadap emosi yang dialami murid akibat menjadi mangsa pembuli siber.

Buli siber menurut Heiman, Olenik-Shemesh, dan Eden (2015) merujuk kepada tingkah laku dalam talian dengan melibatkan medium media elektronik yang bertujuan untuk menyakiti, memalukan serta menghina individu lain ataupun mangsa buli siber itu sendiri. Berdasarkan kajian oleh Peled (2019), didapati terdapatnya hubungan yang signifikan antara buli siber dengan kesan terhadap akademik, sosial dan perkembangan emosi mangsa buli. Didapati, sebanyak 57% dari kalangan sampel yang terlibat pernah mengalami situasi dibuli iaitu sekurang-kurangnya sekali atau dua kali melalui pelbagai bentuk media perhubungan. Implikasi yang dialami mangsa mampu mengakibatkan kesan yang lebih buruk seperti menganggu pembelajaran, menjelaskan sosialisasi dan persekitaran murid di sekolah serta mengancam keselamatan dan kestabilan emosi sehingga mempengaruhi kesejahteraan diri remaja.

## PENYATAAN MASALAH

Menurut Alzahrin Alias dan Mohd Nasaruddin Parzi (2015) terdapat kes murid perempuan Tingkatan Empat cuba membunuh diri pada Jun 2014 dari sebuah sekolah di Johor akibat dari mangsa tidak tahan dibuli siber. Menurut sumber, pembuli siber terbabit merupakan kenalan mangsa dari laman sosial *Facebook* serta bertindak menyebarkan gambar lucahnya di media sosial. Manakala menurut (Helma Hassan, 2018) perbuatan buli siber mampu mengakibatkan tekanan mental serta tekanan emosi terhadap mangsa sehingga mendorong mangsa ke tahap untuk membunuh diri. Hasil kajian Safiek Mokhlis (2019), mangsa buli akan mengalami mengalami kesedihan, tekanan perasaan, hilang keyakinan diri sehingga menjelaskan tumpuan terhadap pembelajaran.

Media sosial turut menjadi medium yang bahaya apabila ia membolehkan individu mencipta identiti palsu dan secara tidak langsung membuka ruang dan peluang bagi pembuli siber untuk membuli tanpa memikirkan kesan terhadap mangsa yang dibuli. Misalnya pelaku buli siber membuli mangsa dengan menghantar mesej-mesej berbentuk serangan sehingga mengakibatkan tercetusnya pelbagai perasaan negatif dalam kalangan mangsa buli siber (Simon, 2017). Kajian yang dijalankan oleh Yatiman Karsodikromo et al., (2020) menjelaskan sebanyak

61.8%. iaitu sebahagian daripada responden menyatakan mereka pernah dibuli dan Siti Zarina Sahib (2019) turut menyatakan berkaitan beberapa kes mangsa buli siber yang mendatangkan kesan buruk kepada mereka seperti gangguan terhadap perkembangan emosi, rasa rendah diri, masalah mental dan berkeinginan untuk membunuh diri. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengetahui dengan lebih terperinci sama ada terdapat kaitan di antara perbuatan buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan mangsa. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui tahap situasi gejala buli siber yang berlaku di Bandar Seberang Jaya supaya tindakan awal boleh diambil bagi mencegah penularan yang berleluasa dari masa ke semasa.

## OBJEKTIF

Matlamat kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif berikut:

- i. Menentukan hubung kait antara situasi buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah menengah
- ii. Mengenalpasti situasi buli siber yang berlaku dalam kalangan murid sekolah

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan melalui pendekatan kaedah kuantitatif. Pelaksanaan kajian adalah berdasarkan kaedah kajian tinjauan yang memerlukan responden memberi respon terhadap set borang soal selidik yang diedarkan kepada mereka. Sampel kajian terdiri daripada 250 orang responden yang dipilih secara rawak yang mewakili populasi sebanyak 734 orang murid tingkatan empat dari Daerah Seberang Perai Tengah. Lima buah sekolah terlibat dalam kajian ini dan pemilihan daerah, sekolah dan responden adalah melalui teknik persampelan rawak mudah bagi memenuhi keperluan dan kesesuaian kajian (Krejcie & Morgan, 1970).

Responden kajian yang terpilih dikehendaki menjawab soal selidik berkaitan tingkah laku buli siber dan implikasi yang berlaku terhadap emosi sekiranya mereka dibuli. Set soal selidik yang dibina terdiri daripada 3 bahagian iaitu bahagian A mengenai 2 item demografi responden, bahagian B yang merupakan 10 item situasi buli siber serta bahagian C yang berhubung dengan 10 item implikasi emosi.

Bagi memudahkan proses pengumpulan data, penyelidik telah memohon kebenaran dan kelulusan dari Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Proses mengedarkan set borang soal selidik kajian kepada responden kajian dari setiap sekolah dilakukan setelah mendapat kerjasama pihak pentadbir dan Unit Bimbingan dan Kaunseling dari setiap sekolah yang terbabit. Set soal selidik dikumpul semula dan proses penganalisisan data kajian dilakukan.

### Kaedah analisis data

Analisis data kajian ini adalah menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 23.0 yang melibatkan penggunaan statistik jenis deskriptif dan juga statistik inferensi. Penganalisisan data deskriptif dilakukan untuk melihat hasil dapatan kajian dalam bentuk kekerapan, peratus dan min situasi buli siber yang berlaku iaitu sama ada berada pada tahap tinggi, sederhana dan rendah yang dialami oleh murid sekolah menengah. Analisis inferensi pula melibatkan analisis korelasi ataupun hubung kait antara dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah situasi gejala buli siber dan juga implikasi emosi.

## DAPATAN KAJIAN

### Tahap gejala buli siber

Dapatan kajian ini dijelaskan dalam bentuk laporan deskriptif yang merangkumi min, peratusan dan juga kekerapan. Berdasarkan kajian ini, keseluruhanya didapati bahawa situasi gejala buli siber dalam kalangan murid menengah di Bandar Seberang Jaya berada pada tahap rendah di mana skor purata min yang dicatatkan adalah 2.07. Berdasarkan Jadual 1 terdapat 10 item bagi konstruk gejala buli siber. Antara item-item yang berada pada paras skor min sederhana adalah B1 menerima komen negatif yang tidak membina dengan skor min 2.43 dan item B7 dipersendakan pula skor min 2.34. Manakala item-item lain berada pada paras rendah yang merangkumi item B2 gambar peribadi disebarluaskan tanpa kebenaran dengan skor min 2.00, B3 video dimuat naik (*upload*) tanpa kebenaran

skor min 2.01 B4 difitnah skor min 1.99, B5 mendapat komen yang memalukan pula skor min adalah 2.03. Seterusnya masih lagi skor min item yang berada di aras rendah yang melibatkan item B6 diugut oleh individu yang tidak dikenali dengan nilai skornya 2.00, B8 menerima kritikan yang memalukan dengan nilai skor min 2.06, B9 menerima gangguan seksual nilai skor min 1.90 dan B10 penyebaran maklumat peribadi tanpa kebenaran dengan skor min 1.94.

**Jadual 1:** Taburan kekerapan, peratus dan min item situasi gejala buli siber

Bil	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min
B1	Menerima komen negatif yang tidak membina	55	84	68	34	9	2.43
		22	33.6	27.2	13.6	3.6	
B2	Gambar peribadi disebarluaskan tanpa kebenaran.	128	56	17	35	14	2.00
		51.2	22.4	6.8	14	5.6	
B3	Video dimuat naik ( <i>upload</i> ) tanpa kebenaran	119	62	32	22	15	2.01
		47.6	24.8	12.8	8.8	6	
B4	Difitnah	118	68	27	22	15	1.99
		47.2	27.2	10.8	8.8	6	
B5	Mendapat komen yang memalukan.	103	80	36	19	12	2.03
		41.2	32	14.4	7.6	4.8	
B6	Diugut oleh individu yang tidak dikenali.	107	82	27	22	12	2.00
		42.8	32.8	10.8	8.8	4.8	
B7	Dipersendakan.	54	110	43	34	9	2.34
		21.6	44	17.2	13.6	3.6	
B8	Menerima kritikan yang memalukan.	95	89	29	31	6	2.06
		38	35.6	11.6	12.4	2.4	
B9	Menerima gangguan seksual	131	70	14	14	21	1.90
		52.4	28	5.6	5.6	8.4	
B10	Penyebaran maklumat peribadi tanpa kebenaran	127	61	27	19	16	1.94
		50.8	24.4	10.8	7.6	6.4	
Keseluruhan					2.07		

### **Hubung kait antara buli siber dan implikasi emosi**

Berdasarkan Jadual 2 di bawah, dinyatakan secara terperinci mengenai taburan kekerapan, peratus dan min bagi 10 item dari konstruk implikasi emosi yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang. Hasil dapatan kajian menunjukkan responden berisiko mengalami implikasi emosi sekiranya berhadapan dengan situasi gejala buli siber dan dinyatakan ia berada pada aras sederhana dengan nilai min purata sebanyak 3.457. Secara lebih terperinci dinyatakan bahawa item yang mencatatkan skor min aras tinggi adalah item C1.1 berasa marah dengan skor min 3.86, C1.3 berasa malu gambar dan video peribadi dimuat naik tanpa kebenaran skor min 3.84 dan juga C1.5 berasa cemas menerima gangguan seksual dari individu yang tidak dikenali skor min 3.72. Manakala item yang berada di aras sederhana pula merangkumi item-item lain iaitu C1.2 berasa takut dan berada dalam bahaya dengan nilai skor min 3.26, C1.4 berasa kecewa menerima komen negatif dan kritikan sebanyak 3.44, C1.6 berasa sedih menerima ejekan dengan nilai skornya adalah sebanyak 3.41. Seterusnya pula, item C1.7 berasa resah difitnah dan C1.8 mudah tersinggung kedua-duanya mencatatkan nilai skor min 3.48 dan 3.17. Manakala item yang mencatatkan nilai skor min pada aras sederhana merangkumi item C1.9 dan C1.10 iaitu berasa benci pada diri sendiri sebanyak 2.65 serta berasa tertekan dengan nilai skor 3.20.

**Jadual 2:** Taburan kekerapan, peratus dan min item implikasi emosi

<b>Bil</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>KS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>Min</b>
C1.1	Berasa marah.	22 (8.8)	12 (4.8)	27 (10.8)	107 (42.8)	82 (32.8)	3.86
C1.2	Berasa takut dan berada dalam bahaya.	30 (12)	40 (16)	55 (22)	84 (33.6)	41 (16.4)	3.26
C1.3	Berasa malu gambar dan video peribadi dimuat naik tanpa kebenaran.	26 (10.4)	20 (8)	21 (8.4)	84 (33.6)	99 (39.6)	3.84
C1.4	Berasa kecewa menerima komen negatif dan kritikan.	25 (10)	34 (13.6)	40 (16)	109 (43.6)	42 (16.8)	3.44
C1.5	Berasa cemas menerima gangguan seksual dari individu yang tidak dikenali.	22 (8.8)	35 (14)	32 (12.8)	64 (25.6)	97 (38.8)	3.72
C1.6	Berasa sedih menerima ejekan.	19 (7.6)	39 (15.6)	51 (20.4)	103 (41.2)	38 (15.2)	3.41
C1.7	Berasa resah difitnah.	25 (10)	34 (13.6)	47 (18.8)	84 (33.6)	60 (24)	3.48
C1.8	Mudah tersinggung.	26 (10.4)	47 (18.8)	66 (26.4)	81 (32.4)	30 (12)	3.17
C1.9	Berasa benci pada diri sendiri.	61 (24.4)	53 (21.2)	71 (28.4)	43 (17.2)	22 (8.8)	2.65
C1.10	Berasa tertekan.	37 (14.8)	35 (14)	54 (21.6)	89 (35.6)	35 (14)	3.20
<b>Keseluruhan</b>					3.457		

Seterusnya adalah penjelasan berkaitan Jadual 3 iaitu nilai ujian korelasi yang dihasilkan melalui analisis data di mana nilai korelasi Pearson yang diperoleh adalah ,  $r = 0.117$  ,  $n = 250$  dan nilai  $p = 0.064$ . Ternyata boleh dirumuskan bahawa tidak wujud hubungan yang signifikan, antara gejala buli siber dan implikasi emosi yang dialami murid sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang. Nilai pekali korelasi yang diperoleh menunjukkan tidak terdapatnya hubung kait antara kedua-dua pembolehubah disebabkan nilai yang dicatatkan adalah melebihi 0.05 iaitu ( $p > 0.05$ ).

**Jadual 3:** Keputusan Ujian Korelasi Antara Buli Siber Dan Implikasi Emosi Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang

			Jumlah gejala buli	Jumlah emosi
Jumlah	gejala buli	Pearson Correlation	1.	.117
		Sig. (2- tailed)		.064
N			250	250

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gejala buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah menengah.

## **PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

### **Tahap gejala buli siber**

Terdapat sejumlah 10 item situasi buli siber yang dianalisa menerusi kajian ini iaitu menerima komen negatif yang tidak membina, penyebaran gambar peribadi, video yang dimuat naik, difitnah, menerima komen yang memalukan, diugut, menjadi bahan jenaka dan dipersendakan, menerima kritikan, gangguan seksual serta yang terakhir adalah situasi penyebaran maklumat peribadi oleh pembuli siber. Berdasarkan dapatan yang diperoleh situasi gejala buli siber dalam kalangan murid Tingkatan Empat sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang dicatatkan masih berada di tahap rendah yang membawa maksud hanya sebilangan kecil sahaja responden yang mengaku pernah menjadi mangsa buli siber.

Walaupun hasil dapatan kajian menunjukkan nilai skor yang diperolehi rendah, ini bukan bermaksud buli siber fenomena yang tidak membahayakan dan tidak memudaratkan diri murid. Keadaan sedemikian tetap perlu dititikberatkan kerana berkemungkinan tinggi boleh menimbulkan keimbangan terhadap semua pihak dalam memastikan kesejahteraan diri murid berada pada aras terbaik dan berada di tahap kesihatan mental yang optimum. Selain itu, terdapat alasan dapatan kajian ini mempunyai nilai sedemikian. Antaranya, terdapat segelintir besar dari kalangan murid sekolah yang dibuli siber mengambil pendekatan berdiam diri dengan tidak menyuarakan situasi buli yang mereka alami sebagaimana yang dijelaskan Zuhayati Yazid (2017). kajian yang dijalankan (Zalaquett & Chatters, 2014) pula mencatatkan bilangan responden yang dibuli siber semasa di sekolah menengah adalah sekitar 35% daripada keseluruhan responden kajian berkenaan. Peratusan yang dicatatkan tersebut menunjukkan jumlah mereka yang mengakui dibuli siber adalah di aras rendah. Alasan yang diterima dari mangsa adalah mereka khuatir dikatakan mengerut dan disingkirkan dari rakan-rakan mahupun kelompok sosial lain sebagaimana yang dinyatakan dalam artikel bertajuk *On The Alert For Cyberbullying-Letters* (2017).

### **Hubung kait buli siber dan implikasi emosi**

Berdasarkan rumusan yang diperoleh dari analisa dapatan kajian, didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gejala buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah menengah yang terlibat. Walaupun dapatan yang diperoleh ternyata tiada sebarang hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah, namun kolaborasi semua pihak dalam menangani penularan fenomena buli siber yang memberi impak buruk terhadap kesejahteraan diri murid sekolah perlu dititikberatkan kerana tingkah laku buli siber boleh mengakibatkan peningkatan emosi negatif dalam kalangan mangsa buli siber remaja (Caravita, Colombo, Stefanelli dan Zigliani, 2016). Kekerapan melayari internet dan berinteraksi secara talian membuka ruang dan meningkatkan potensi mereka terjebak sebagai mangsa buli siber. Menurut Kalaisilven dan Mohamad Fauzi Sukimi (2019) kesan dari penggunaan internet tanpa kawalan mendorong kepada isu ketagihan internet sehingga menjadi punca pelbagai implikasi negatif seperti gejala buli siber.

Menerusi kajian yang dijalankan oleh Safiek Mokhlis (2019), didapati mangsa mengakui wujud gangguan emosi apabila memikirkan perbuatan pembuli siber kerana tingkah laku buli yang dilakukan pembuli berkenaan melibatkan ramai orang. Situasi sedemikian dikhuatiri akan *viral* dan berlaku secara berterusan dalam tempoh yang lama dan tindakan tersebut akan meninggalkan impak buruk yang sangat mendalam. Kesan emosi yang terbentuk akibat dibuli siber berupaya mencetuskan konflik emosi dan tekanan semasa usia remaja. Secara tidak disedari, mangsa yang terdiri dari kalangan murid sekolah berdepan dengan risiko ancaman keselamatan kesan dari ancaman emosi yang tergugat setelah dibuli.

### **Implikasi Kajian**

Menerusi kajian ini, disarankan agar murid sekolah sewajarnya dibekalkan dengan ilmu pengetahuan tentang buli siber agar murid lebih prihatin dari sebarang pendedahan terhadap maklumat peribadi yang didedahkan kepada pembuli siber. Tindakan awal dari pihak berwajib juga perlu bagi memastikan penularan gejala buli siber yang berlaku dapat dibendung pada peringkat awal. Bagi memastikan kesejahteraan diri murid sekolah yang bakal menerajui kepimpinan negara pada masa akan datang, tahap kesihatan mental dan kesejahteraan diri yang optimum perlu diberi perhatian. Selain itu, kajian ini diharap dapat membantu dan mendedahkan informasi berkaitan situasi gejala buli siber yang sedang berlaku kepada pihak komuniti setempat mahupun ibu bapa agar sentiasa berwaspada dan prihatin dengan perkembangan diri remaja.

## **KESIMPULAN**

Kajian buli siber dan implikasi terhadap emosi murid sekolah menengah mampu membuka jurang dalam memastikan situasi buli siber diberi perhatian dan tindakan khusus dari semua pihak. Meskipun dapatan kajian berkaitan isu buli siber yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gejala buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah menengah, namun tindakan proaktif semua pihak terutamanya peranan ibu bapa serta pihak berwajib dalam menangani penularan kes mangsa dibuli siber perlu diberi tumpuan khusus. Pendekatan yang lebih serius perlu dilaksanakan agar kes buli siber dapat ditangani lebih awal bagi memastikan kesejahteraan diri dan pembentukan sahsiah remaja sekolah terkawal dan stabil dari aspek jasmani, emosi, rohani dan juga intelektual.

## **RUJUKAN**

- Alzahrin Alias & Mohd Nasaruddin Parzi. (2015). Remaja terpengaruh media sosial. *BHPlus*, 1-10.
- Caravita, S. C., Colombo, B., Stefanelli, S. & Zigliani, R. (2016). Emotional, psychophysiological and behavioral responses elicited by the exposition to cyberbullying situations: Two experimental studies. *Psicologia educativa*, 22(1), 49-59.
- DePaolis, K. J. & Williford, A. (2019). Pathways from cyberbullying victimization to negative health outcomes among elementary school students: A longitudinal investigation. *Journal of Child and Family Studies*, 28(9), 2390-2403.
- Heiman, T., Olenik-Shemesh, D. & Eden, S. (2015). Cyberbullying involvement among students with ADHD: Relation to loneliness, self-efficacy and social support. *European Journal of Special Needs Education*, 30(1), 15-29.
- Helma Hassan. (2018). Buli siber di Malaysia. *Buletin Kesihatan*, 1-7.
- Kalaisilven, S. & Mohamad Fauzi Sukimi (2019). Kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial (Parental control over children in the use of Social media). *Akademika*, 89(1).
- Yatiman Karsodikromo, Mohd Razimi Husin, Abdul Rahim Razali & Hazalizah Hamzah. (2020). Buli siber dalam kalangan murid sekolah menengah di daerah Samarahan, Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 13(2), 38-47.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- On The Alert For Cyberbullying-Letters*. (2017). The Star Online, 1-4.
- Peled, Y. (2019). Cyberbullying and its influence on academic, social, and emotional development of undergraduate students. *Heliyon*, 5(3).
- Safiek Mokhlis. (2019). Buli siber dalam kalangan pelajar sekolah menengah: Satu penerokaan awal. *Jurnal DuniaPendidikan*, 1(2), 7-18.
- Simon, S. (2017). Cybervictimization: School experience of Malaysian cyberbullied teenagers. *International Journal of Humanities and Social Sciences*, 11(3), 713-720.
- Siti Zarinah Sahib. (2019). Cegah Buli Siber. *Harian Metro*, 1-6.
- Zalaquett, C. P. & Chatters, S. J. (2014). Cyberbullying in college: Frequency, characteristics, and practical implications. *Sage Open*, 4(1).
- Zuhayati Yazid (2017). SKMM terima 38 kes aduan buli siber dalam tempoh 11 bulan tahun ini. *Nasional-UtusanOnline*, 1-7.